

**Rangka Strategi Komprehensif Tingkat Peranan Pusat Sumber Sekolah –
Muhyiddin
Bernama
14Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Kementerian Pelajaran dan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan disaran merangka satu strategi bersama yang komprehensif untuk meningkatkan fungsi dan peranan pusat sumber sekolah.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa mengemukakan cadangan itu berkata, peranan pusat sumber sekolah sebagai nadi budaya membaca di kalangan generasi muda perlu diperkasakan lagi selaras dengan usaha menambahbaik sistem pendidikan negara.

Sehingga kini terdapat 12,382 buah perpustakaan di seluruh negara, yang mana 9,721 buah daripadanya merupakan pusat sumber sekolah dan berdasarkan perangkaan ini, beliau melihat Pusat Sumber Sekolah mempunyai potensi yang cukup besar untuk dipertingkatkan lagi dari segi mutu dan capaian perkhidmatannya.

Beliau berkata demikian ketika berucap meraikan pemilihan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai ikon membaca kebangsaan dan penyemarakan kempen nilai-nilai murni 1Malaysia, di Perpustakaan Negara di sini, Isnin.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, selaras dengan perkembangan dunia teknologi maklumat dan komunikasi hari ini, sudah sampai masanya penggunaan perpustakaan digital turut diperluas bagi membolehkan pengguna membaca buku dan pelbagai bahan ilmiah dalam bentuk digital secara atas talian.

"Konsep perpustakaan digital ini pastinya akan memudahkan pengguna mengakses pelbagai bahan ilmiah dengan lebih pantas dan sekaligus meningkatkan kadar membaca di kalangan rakyat kita.

"Saya percaya sekiranya kita ingin berada di hadapan dalam persaingan memperoleh ilmu dan maklumat, maka kita perlu memanfaatkan segala kelebihan dunia teknologi maklumat dan komunikasi dengan sebaik mungkin," katanya.

Muhyiddin berkata, hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara mengikut acuannya sendiri amat bergantung kepada kesungguhan rakyat mencipta pelbagai kejayaan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang menjadi sumber kekuatan negara.

Katanya, amalan membaca itu sendiri merupakan salah satu nilai murni yang perlu diamalkan oleh rakyat negara ini jika ingin menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Menurut kajian, budaya membaca di kalangan rakyat negara ini menunjukkan peningkatan iaitu daripada dua buah buku setahun pada 2005 kepada lapan hingga 12 buah buku setahun pada 2010.

Bagaimanapun, Muhyiddin berkata langkah proaktif perlu terus diambil untuk meningkatkan lagi kadar membaca rakyat agar setanding rakyat negara luar seperti Jepun yang secara purata membaca 40 buah buku setahun, dan Amerika Syarikat dengan kadar 17 buah buku setahun.

"Saya percaya dengan usaha berterusan yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menyemarakkan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat, serta sokongan berterusan daripada masyarakat, kita akan dapat merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju beracuan sendiri menjelang 2020, " katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666071>